


# **Polisi Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar KLCC**



Syarikat KLCC (Holdings) Sdn Bhd (selepas ini dirujuk sebagai KLCC) komited untuk cemerlang dalam pengurusan Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan dan Alam Sekitar dalam semua aktiviti operasinya.

Kami akan mengenalpasti dan menguruskan risiko kecederaan, penyakit berkaitan pekerjaan dan kerosakan aset di tempat kerja.

Kami akan memastikan bahawa langkah-langkah diambil untuk melindungi alam sekitar dan sumber asli digunakan secara lestari.

Kami akan:

- Memastikan semua aktiviti perniagaan dilakukan menurut keperluan undang-undang dan lain-lain peraturan yang diterima-pakai oleh KLCC berkaitan dengan Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan dan Alam Sekitar.
- Menyediakan sumber dan organisasi yang diperlukan, dan di mana perlu berbincang dengan pemegang kepentingan utama bagi hal-hal Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan dan Alam Sekitar yang berkenaan.
- Memastikan segala langkah munasabah lagi praktikal diambil untuk mencegah serta menghindarkan kecederaan, bahaya terhadap kesihatan, kerosakan aset dan alam sekitar.
- Mengintegrasikan isu, amalan dan prestasi Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan dan Alam Sekitar dalam semua proses perniagaan syarikat untuk melindungi alam sekitar, mencegah pencemaran dan meminimumkan risiko terhadap alam sekitar.
- Memastikan pelan kontigensi disediakan untuk menangani kecemasan dan krisis.

Semua kakitangan dan kontraktor wajib mematuhi dasar ini secara menyeluruh pada setiap masa.

**Md Shah Mahmood**

Group Chief Executive Officer  
KLCC (Holdings) Sdn Bhd  
1 December 2021